



MANUAL PENGGUNA  
SISTEM *e-VETTING* 2.0

**MODUL PENDAFTARAN DAN LOG MASUK**

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN  
KERAJAAN MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI



## 1. Daftar Pengguna Dan Akses Masuk Ke Sistem e-Vetting

### 1.1 Daftar Pengguna Baru

Menu Daftar Pengguna Baru hanya untuk pengguna bagi kategori Pemohon Individu dan Pemohon Syarikat / Jabatan bagi permohonan berkelompok sahaja. Bagi Pengesah Jabatan tidak perlu melalui langkah ini.

**Langkah 01:** Masukkan alamat pautan (URL) <https://evetting.cgso.gov.my/cgso> pada pelayar web dan skrin **Log Masuk** akan dipaparkan.

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA  
JABATAN PERDANA MENTERI

07 Oct 2014 17:35:05

e-Vetting 2.0

Log Masuk | Daftar | Soalan Lazim | Aduan | Panduan Pengguna | Hubungi Kami

BM | EN

Jenis Pengguna:  Pemohon Individu  Pemohon Syarikat/Jabatan  Pengesah Jabatan

ID Pengguna:

Kata Laluan:

Lupa Kata Laluan

Log Masuk Set Semula

Gambarajah 1 : Skrin Log Masuk

**Langkah 02:** Klik butang pautan **Daftar** untuk mendaftar akaun pengguna baru. Skrin Daftar Baru akan dipaparkan seperti di bawah:



**Gambarajah 2: Daftar Baru**

**Langkah 03:** Sila pilih **Jenis Pendaftaran**.

**Langkah 04:** Sila pilih **Jenis ID**.

**Langkah 05:** Sila Masukkan **ID Pengguna**, **Nama**, **Emel** dan Masukkan **Imej "CAPTCHA"** dalam medan yang disediakan(Pastikan Nama dan ID Pengguna seperti di Kad Pengenalan Baru atau Pasport).

**Langkah 06:** Klik butang **Daftar** untuk menghantar borang permohonan dan meneruskan proses daftar. Mesej "**Pendaftaran Pengguna berjaya dihantar. Sila semak emel anda.**" akan dipaparkan.



**Gambarajah 3: Mesej "Pendaftaran pengguna Berjaya dihantar. Sila Semak emel anda."**



**Langkah 07:** Pemohon boleh menyemak emel pendaftaran sama ada pendaftaran **Berjaya** atau **Gagal**.

**Langkah 08:** Jika berjaya pemohon boleh **Log Masuk** ke Sistem *e-Vetting* dan membuat permohonan baru. Jika gagal, sila buat pendaftaran semula.

## 2 Log Masuk ke Sistem e-Vetting

Langkah seterusnya akan memberikan penerangan terperinci bagaimana untuk Log Masuk ke Sistem e-Vetting.

**Langkah 01:** Masukkan alamat pautan (URL) <https://evetting.cgso.gov.my/cgso> pada pelayar web dan skrin **Log Masuk** akan dipaparkan.




**Gambarajah 4: Skrin Log Masuk**

**Langkah 02:** Pilih **Jenis Pengguna**. (Jika Pemohon, pilih Pemohon Individu atau Pemohon Syarikat/ Jabatan; Jika Pengesah Jabatan, pilih Pengesah Jabatan)

**Langkah 03:** Masukkan **ID Pengguna** dan **Kata Laluan** (Seperti yang diterima melalui emel) ke dalam medan yang disediakan.

**Langkah 04:** Klik butang **Log Masuk**.



**Gambarajah 5: Laman Utama**

**Langkah 05:** Skrin **Laman Utama** akan dipaparkan seperti gambarajah **Laman Utama** di atas.